



36. Saya juga mengambil perhatian dan merakamkan penghargaan kepada Kerajaan atas usaha gigihnya untuk menarik pelaburan daripada *Sabah based company* yang tersenarai dalam Bursa Malaysia untuk melabur secara besar-besaran di Negeri Sabah. Dalam hubungan ini, saya menyeru supaya Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (*State GLC's*) mengambil peluang dari aspek penyertaan ekuiti yang signifikan untuk melabur dalam syarikat-syarikat strategik.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

37. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memperhebat usaha dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program pembangunan khususnya projek-projek pembangunan berimpak tinggi dan "*people centric*". Dalam kesempatan ini, Kerajaan merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas segala bantuan dan sokongan yang telah diberikan untuk terus memajukan Negeri Sabah khususnya dalam merangsang pertumbuhan ekonomi di negeri ini.

38. Akhir kata, saya ingin menyeru semua pihak agar terus melipatgandakan usaha untuk bersama-sama memajukan negeri ini ke arah kemakmuran dan kesejahteraan seluruh rakyatnya.

39. Semoga Allah sentiasa melimpahkan kurnia dan rahmat-Nya kepada kita semua, melindungi negeri yang kita cintai ini agar kita sentiasa hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

TUN DATUK SERI PANGLIMA

(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN

BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMBUKAAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

YANG KELIMA BELAS

PADA 11 APRIL 2019



pelaksanaan program pembangunan memerlukan sumber pembiayaan yang kukuh dan mencukupi. Oleh yang demikian, inisiatif Kerajaan mempelbagaikan sumber kutipan hasil dan meningkatkan lagi pendapatan merupakan satu langkah terpuji. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah adalah baik dan bertambah kukuh seiring dengan kawalan dan disiplin kewangan serta pelaksanaan usaha-usaha untuk mengutip hasil tertunggak dan penerokaan sumber-sumber pendapatan baharu.

34. Penyata Kewangan Negeri Sabah Tahun 2018, menunjukkan hasil Kerajaan Negeri pada tahun tersebut telah meningkat sebanyak 6.99% kepada RM4.2 bilion berbanding jumlah hasil tahun 2017 sebanyak RM3.9 bilion. Kerajaan beriltizam untuk terus mengekalkan prestasi ini termasuk berusaha meningkatkan lagi pendapatan ke arah mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan iaitu mengutip hasil tidak kurang daripada RM3.0 bilion setiap tahun dan RM4.3 bilion untuk tahun 2019. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan memainkan peranan aktif berkaitan usaha tuntutan peningkatan hasil royalti minyak untuk Negeri Sabah dan semakan semula Pemberian Khas yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, yang mana amaunnya tidak disemak atau berubah sejak tahun 1973.

35. Bagi memastikan matlamat dan strategi Bajet Negeri 2019 tercapai, tumpuan juga akan diberikan kepada usaha-usaha meningkatkan lagi kecekapan pengurusan kewangan tahun semasa. Ini dilakukan berlandaskan kepada dasar perbelanjaan berhemat dan berintegriti melalui penguatkuasaan ke atas pematuhan peraturan dan garis panduan yang ditetapkan ke arah menangani masalah ketirisan, pembaziran dan pemborosan.





akan dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun ini dalam usaha untuk membantu meringankan beban kos sara hidup tinggi yang dihadapi rakyat. Untuk itu, Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta dalam Belanjawan Negara 2019 untuk menstabilkan bekalan dan menyeragamkan harga barangan keperluan asas untuk Negeri Sabah dan Sarawak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

31. Dalam konteks pembangunan belia, Pelan Strategik Pembangunan Belia Sabah dan Dasar Pembangunan Belia Negeri Sabah telah dirangka untuk menggerakkan golongan belia dengan lebih dinamik dan berkesan.

32. Dalam bidang sukan, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa prestasi sukan Negeri Sabah adalah memberangsangkan khususnya pencapaian cemerlang atlet-atlet dalam temasya-temasya sukan di peringkat nasional. Misalnya, pungutan 32 pingat emas dan Anugerah Atlet Lelaki Terbaik pada Temasya SUKMA Ke-19 Perak 2018 merupakan pencapaian terbaik kontinjen Negeri Sabah setakat ini. Pada tahun ini, Kerajaan akan terus memperkasa pembangunan sukan dengan tumpuan kepada aspek pengisian program Sukan Prestasi Tinggi, Industri Sukan dan Sukan Massa. Sukan Elektronik yang dilihat sebagai permainan baharu dalam industri sukan juga akan diberi tumpuan oleh Kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

33. Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum,

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini bagi Majlis Perasmian Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Kelima Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tahun 2018 merupakan tahun mencabar kerana Negeri Sabah tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran-cabaran ekonomi di peringkat nasional dan global, termasuklah kejatuhan harga komoditi-komoditi utama seperti minyak sawit dan getah, penyusutan nilai ringgit dan lain-lain. Sungguhpun demikian, ekonomi Negeri Sabah pada tahun 2018 kekal stabil. Ini tercermin melalui prestasi membanggakan sektor perdagangan antarabangsa Negeri Sabah pada tahun 2018 yang telah mencatatkan imbalan perdagangan positif sebanyak RM26 bilion berbanding RM23 bilion pada tahun 2017. Prestasi sektor perdagangan antarabangsa Negeri Sabah yang membanggakan ini telah didorong oleh peningkatan dalam jumlah keseluruhan eksport Negeri Sabah pada tahun 2018 yang mana telah mencecah RM56.6 bilion berbanding RM51.7 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2017.





3. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah kerana telah mengambil inisiatif untuk memastikan perancangan pembangunan Kerajaan dapat direalisasikan secara strategik melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators* – KPI) berlandaskan 10 Bidang Keberhasilan Negeri yang akan dilaksanakan oleh semua Kementerian Negeri dan agensi masing-masing. Saya yakin pelaksanaan inisiatif tersebut mampu untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di negeri ini selaku nadi utama dalam melaksanakan dasar dan aspirasi pembangunan Kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

4. Kerajaan beriltizam untuk memastikan sektor pelancongan Negeri Sabah kekal rancak dan berdaya saing dengan memfokuskan keindahan alam semula jadi dan warisan budaya sebagai aset utama pelancongan negeri ini. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri menyasarkan jumlah ketibaan pelancong ke Negeri Sabah seramai 4 juta orang berbanding 3.8 juta orang pada tahun 2018 dengan sasaran ketibaan pelancong antarabangsa yang lebih seimbang dari China dan negara-negara Eropah, Amerika Syarikat serta Oceania di samping pelancong domestik. Bagi mencapai sasaran ini, Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan aksesibiliti udara ke Negeri Sabah dan mempelbagaikan lagi produk-produk pelancongan negeri khususnya di kawasan luar bandar dan Pantai Timur Negeri Sabah.

5. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk terlibat dalam bidang pemuliharaan alam

mutu pendidikan rakyat dan merapatkan jurang tahap pendidikan murid di kawasan bandar dan luar bandar. Antara usaha yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan termasuklah pembinaan dan penambahbaikan sekolah khususnya sekolah-sekolah daif, peningkatan liputan internet ke sekolah-sekolah dan penyediaan kelengkapan serta fasiliti pendidikan yang mencukupi.

28. Kerajaan akan meneruskan tawaran biasiswa dan bantuan pendidikan kepada para pelajar di negeri ini. Manakala bagi membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah menyediakan 20% kuota penawaran Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah kepada pemohon yang cemerlang dari kelompok keluarga B40. Kerajaan telah mengambil inisiatif mewujudkan Pangkalan Data Pelajar bagi memastikan tiada pelajar yang layak tercicir daripada menerima biasiswa, dermasiswa dan pinjaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Sesungguhnya, Kerajaan amat menitikberatkan pembangunan golongan wanita di Negeri Sabah. Bagi mengarusperdanakan peranan dan penglibatan wanita dalam memajukan negeri ini, Kerajaan telah menetapkan agar sekurang-kurangnya 20 peratus di kalangan golongan wanita di negeri ini dilantik di peringkat pembuat keputusan sebagai ahli dalam Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di samping itu, Kerajaan turut menubuhkan Pusat Bantuan Guaman Wanita untuk memberi bantuan guaman kepada golongan wanita yang merangkumi nasihat guaman dan bantuan peguam untuk mewakili mereka di mahkamah.

30. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, pelbagai langkah





MESEJ dengan tambahan satu program baharu berkaitan dengan aktiviti pelancongan luar bandar berasaskan *community based tourism* di kampung-kampung terpilih. Di samping itu, Kerajaan juga telah merancang untuk membina 1,000 buah rumah PPRT dan 10 buah pusat komuniti setiap tahun bermula 2019 hingga 2023 untuk kemudahan masyarakat luar bandar di negeri ini. Pada masa yang sama, kursus dan latihan kemahiran akan diberikan kepada masyarakat di luar bandar untuk melahirkan lebih ramai usahawan desa di negeri ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

26. Pewujudan beberapa Kementerian baharu termasuklah Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat adalah langkah bijak yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di negeri ini. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan akan memastikan rakyat di negeri ini mendapat rawatan yang lebih baik melalui penyediaan kemudahan dan peralatan kesihatan terkini dan pertambahan lebih ramai doktor-doktor pakar di hospital-hospital Kerajaan khususnya di kawasan luar bandar. Kebajikan dan keselesaan penjaga pesakit di wad hospital Kerajaan akan dititikberatkan dengan sasaran 70 peratus penjaga pesakit di wad hospital Kerajaan di Kota Kinabalu disediakan kemudahan penginapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

27. Kerajaan komited untuk meningkatkan kualiti pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berpendidikan tinggi di negeri ini. Tumpuan utama Kerajaan adalah untuk meningkatkan

sekitar semula jadi dan eko-pelancongan di peringkat antarabangsa, usaha sedang giat dilaksanakan agar Gunung Kinabalu dan kawasan di sekitarnya, merangkumi daerah Ranau, Kota Belud dan Kota Marudu diisytiharkan sebagai tapak Geopark Kebangsaan pada tahun ini dan dimasyhurkan sebagai tapak UNESCO Global Geopark menjelang tahun 2020. Sebagai tambahan, Kerajaan juga sedang dalam proses untukewartakan kawasan Teluk Darvel di Lahad Datu dan Pulau Mantanani di Kota Belud sebagai kawasan pemuliharaan marin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

6. Bagi sektor pertanian, Kerajaan akan melancarkan *Sabah Agriculture Blueprint* pada tahun ini yang memberi tumpuan kepada aktiviti pertanian berskala besar untuk meningkatkan keluaran pertanian negeri ini. Kerajaan akan memberi penekanan terhadap pembangunan komoditi tanaman, penyelidikan dan pembangunan teknologi, akreditasi dan pensijilan, penguatkuasaan biosekuriti dan kuarantin tumbuhan, pembangunan modal insan dan usahawan tani.

7. Dalam sektor perikanan, Kerajaan akan melaksanakan pelbagai program pembangunan perikanan selari dengan pelan strategik perikanan negeri. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan melaksanakan program-program sokongan seperti konservasi melalui sistem *tagal* dan tukun tiruan, penguatkuasaan, pembangunan sosioekonomi dan pensijilan ladang akuakultur seperti *Malaysian Good Aquaculture Practice (MyGAP)* dan *Fish Quality Certificate (FQC)* bagi menjamin pengeluaran hasil perikanan yang mampan dan berkualiti untuk memenuhi permintaan pasaran dalam dan luar negeri.



8. Bagi sektor ternakan, tumpuan Kerajaan adalah untuk memperkasa subsektor ruminan terutama pengeluaran daging “merah” (*red meat*) dan aktiviti-aktiviti nilai tambah pengeluaran ternakan dalam usaha untuk mentransformasikan industri ternakan.

9. Sektor industri getah akan diperkasakan di mana pada tahun ini Kerajaan akan meneruskan program tanam semula dan tanam baharu getah di kawasan seluas 5,016 hektar yang merangkumi 78 buah kampung melibatkan seramai 1,584 pekebun kecil getah bagi membantu golongan miskin di luar bandar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

10. Kerajaan komited untuk memajukan sektor perkilangan yang berpotensi untuk merangsang ekonomi Negeri Sabah ke tahap yang lebih tinggi di samping sektor-sektor ekonomi utama lain seperti pelancongan, pertanian dan perlombongan. Kerajaan akan meneruskan polisi pengharaman eksport kayu balak bertujuan untuk merangsang pembangunan industri hiliran berasaskan kayu-kayan tempatan seperti pembuatan perabot dan meningkatkan peluang pekerjaan. Langkah ini secara langsung akan membantu para pengusaha kilang tempatan untuk menjana peluang ekonomi dan menikmati “*multiplier effects*” dari industri perikanan tempatan. Kerajaan juga telah mengenal pasti kawasan di POIC Sandakan sebagai hab pembuatan perabot bagi Negeri Sabah. Usaha padu juga akan dilakukan oleh Kerajaan untuk menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti hiliran bernilai tinggi di negeri ini khususnya dalam industri hiliran minyak dan gas di Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP) serta kelapa sawit di Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Lahad Datu. Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah untuk

sekolah agama di negeri ini dengan menaik taraf sekolah-sekolah dan juga membuat penyusunan semula jawatan-jawatan guru agama agar serata dengan guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

22. Institusi Mahkamah Anak Negeri akan terus dimantapkan. Ke arah itu, Kerajaan sedang dalam proses merangka penaiktarafan Mahkamah Anak Negeri bagi menjadikan institusi Mahkamah Anak Negeri lebih profesional dan efisien setanding dengan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

23. Bagi memajukan ekonomi dan sosial orang Islam, beberapa cadangan penubuhan lembaga pengurusan akan diwujudkan. Antaranya, Perintah Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah, Perintah Lembaga Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat Negeri Sabah, Perintah Lembaga Pengurusan Haji dan Umrah Negeri Sabah dan Perintah Lembaga Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sabah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

24. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat khususnya di kawasan luar bandar dan sekali gus membasmi insiden kemiskinan di Negeri Sabah. Pelbagai program pembangunan sosioekonomi akan terus dilaksanakan melalui program Mini Estet Sejahtera (MESEJ), Agropolitan dan sebagainya. Kerajaan akan meneruskan Program Kampung Sejahtera (PKS) untuk membangunkan kampung-kampung yang memerlukan pembangunan secara holistik merangkumi modal insan, sosioekonomi dan infrastruktur asas.

25. Dalam tahun 2019, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk melibatkan seramai 2,500 ketua isi rumah dalam program



sebagai kawasan *Totally Protected Areas* (TPA). Pelan Pengurusan Hutan Menyeluruh bagi Negeri Sabah akan dibangunkan dalam masa terdekat ini bagi menggariskan perancangan-perancangan pengurusan hutan bagi Negeri Sabah untuk tempoh 25 tahun.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, Kerajaan telahewartakan Pelan Struktur Sabah 2033 yang merupakan pelan perancangan strategik jangka masa panjang untuk perancangan pembangunan yang bersifat *inclusive* dan holistik yang merangkumi bandar dan luar bandar.

19. Tumpuan juga akan diberikan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuklah memastikan kelengkapan dan jentera pentadbiran di PBT berfungsi secara berkesan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

20. Dalam aspek perumahan, Kerajaan akan menyediakan pelbagai subsidi bagi pembinaan perumahan kos rendah untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

21. Pemerkasaan pengurusan dan pentadbiran dalam aspek budaya, keagamaan, kepercayaan etnik, rumah ibadat dan institusi kekeluargaan merupakan antara agenda pembangunan negeri yang akan terus diberi penekanan. Kerajaan akan memperkasa sekolah-

memperluaskan kawasan perindustrian seperti di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), POIC Lahad Datu, SOGIP dan akan mewujudkan kawasan perindustrian yang baharu dengan model pembangunan baharu.

11. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan sumbangan sektor perkilangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sabah daripada 7.5 peratus pada tahun 2017 kepada 35 peratus menjelang tahun 2030. Justeru itu, Kerajaan akan berusaha untuk mencapai sasaran tersebut termasuklah meningkatkan penguasaan teknologi terutama yang dipacu oleh Revolusi Industri 4.0, meningkatkan kesediaan bahan mentah untuk diproses dan ditambah nilai seperti minyak sawit mentah, minyak dan gas, kayu-kayan dan keluaran pertanian. Sebagai tambahan, Kerajaan akan memperkasa keupayaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Negeri Sabah dengan sasaran mewujudkan sekurang-kurangnya 100 pengusaha IKS yang berjaya setiap tahun.

12. Pelbagai usaha sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos pelaburan dan meningkatkan kecekapan logistik untuk menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi di negeri ini khususnya di taman-taman dan kluster-kluster perindustrian seperti Sipitang Oil and Gas Industrial Park (SOGIP), Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Lahad Datu dan Sandakan dan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

13. Kerajaan akan memperkukuh usaha untuk meningkatkan pembangunan wilayah selaras dengan agenda pembangunan





negara seperti yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Sejak tahun 2008 hingga bulan Disember 2018, Koridor Pembangunan Sabah (SDC) telah mencatatkan jumlah pelaburan komited terkumpul sebanyak RM166.84 bilion di mana sebanyak RM81 bilion daripada jumlah tersebut telah pun direalisasikan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan pula telah menyalurkan sebanyak RM2.42 bilion kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) di bawah RMK-9, RMK-10 dan RMK-11 bagi melaksanakan projek-projek di bawah SDC. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.36 bilion atau 97.64 peratus telah dibelanjakan. Antara projek yang akan dilaksanakan adalah penaiktarafan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar dan Pelan Induk Pembangunan Zon Ekonomi Bebas di KKIP. Kerajaan juga telah merangka Kajian Induk Bersepadu Hub Pengangkutan Udara bagi Negeri Sabah. Inisiatif-inisiatif ini adalah penting khususnya penyediaan infrastruktur bagi kemudahan para peniaga dan pelabur di samping meningkatkan *connectivity* serta integrasi ekonomi global bagi menempatkan Negeri Sabah sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif di rantau Asia.

14. Selain itu, Kerajaan juga akan melaksanakan kajian kemungkinan pembinaan pelabuhan utama di Kudat sebagai laluan pintu utama keluar masuk pusat perdagangan di negeri ini untuk menampung kapasiti penggunaan pelabuhan serta permintaan jangka panjang berikutan jangkaan perdagangan yang akan meningkat di rantau ini dalam tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang. Seiring dengan cadangan pembinaan pelabuhan baharu ini, satu sistem rangkaian pengangkutan kereta api juga akan dibangunkan.

15. Bekalan air akan ditingkatkan khususnya bekalan air

terawat melalui pembinaan loji-loji rawatan air, empangan-empangan air dan kolam takungan air hiliran baharu serta membangunkan sistem bekalan air yang mesra alam. Sabah Electricity Sdn. Bhd. pula akan diperkasa bagi memastikan bekalan elektrik adalah mencukupi dan berdaya harap khususnya di kawasan luar bandar. Kerajaan akan menambah baik indeks tempoh masa purata gangguan sistem (*System Average Interruption Duration Index-SAIDI*) kepada 225 minit pada tahun 2019.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Sejalan dengan keputusan memansuhkan geran komunal, Kerajaan sedang giat melaksanakan kerja-kerja pengukuran lot-lot untuk pengeluaran geran individu *Native Title* kepada benifisiari dan pemansuhan geran komunal secara berperingkat dengan sasarannya dalam tempoh dua (2) tahun dari tahun 2019 - 2020. Di samping itu, bagi menjamin hak pemilikan Tanah Anak Negeri, Kerajaan telah menetapkan 120 kuota kelulusan setiap tahun dan secara keseluruhannya 600 kelulusan akan diberi sepanjang tempoh 2019 - 2023.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

17. Kerajaan akan meneruskan polisi agar *Totally Protected Areas* (TPA) bagi Negeri Sabah adalah tidak kurang daripada 30 peratus daripada keseluruhan keluasan negeri menjelang tahun 2025. Untuk tujuan tersebut, bagi tahun 2019, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mewartakan seluas 43,000 hektar kawasan hutan



Disediakan oleh:

Bahagian Kabinet dan Dasar
Jabatan Ketua Menteri
dan
Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
Kota Kinabalu, Sabah.

UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

**TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TUN DATUK SERI PANGLIMA
(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN**

**BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMBUKAAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
YANG KELIMA BELAS**

PADA 11 APRIL 2019



DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN,
POLITIN @ WENEN BIN MOBIJI, A.S.D.K., A.D.K., B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2019.

